



TEKS UCAPAN

**YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT**

PROGRAM

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
KPWKM TAHUN 2025**

LOKASI / TARIKH / MASA

**BANGI AVENUE CONVENTION CENTRE BANGI, SELANGOR
17 JUN 2025 (SELASA)
9.30 PAGI**

Kemas kini 16 Jun 2025

Bismillahir Rahmanir Rahim

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera dan Salam Malaysia MADANI.

(SALUTASI)

LAMPIRAN SALUTASI DISEDIAKAN

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana hari ini kita berhimpun sebagai satu keluarga besar KPWKM — dalam satu majlis yang cukup bermakna. Kita raikan **646 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2024**, warga kementerian yang telah menabur bakti dengan penuh integriti dan dedikasi.

2. Saya ingin mengucapkan **setinggi-tinggi tahniah dan penghargaan** kepada anda semua yang diraikan hari ini. Penerima anugerah tahun ini terdiri daripada pelbagai bahagian dan agensi di bawah KPWK —

- **24 orang** dari Bahagian-Bahagian di **Kementerian**,
- **6 orang** dari **Institut Sosial Malaysia (ISM)**,
- **19 orang** dari **Jabatan Pembangunan Wanita (JPW)**,
- **72 orang** dari **Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)**, dan

- paling ramai, **525 orang** dari **Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM)**.

3. Daripada yang menyusun strategi di pejabat hinggalah yang berada di barisan hadapan menyantuni rakyat — anda semua adalah wajah KPWK M yang mencurahkan bakti, menyampaikan perkhidmatan, dan membawa harapan kepada yang memerlukan.

4. Anugerah ini adalah pengiktirafan — tetapi juga **amanah baru**. Bila anda menerima APC, anda kini jadi contoh. Rakan sekerja dan pegawai muda sedang melihat anda — cara anda bekerja, memimpin, dan memberi semangat.
5. Tapi kita juga tahu, kejayaan ini bukan hasil kerja seorang. Di belakang setiap pencapaian, ada keluarga yang memahami, rakan sekerja yang menyokong, dan ketua jabatan yang memberi ruang untuk anda berkembang. Hari ini, marilah kita juga **menghargai mereka yang menjadi tulang belakang kepada kejayaan ini**.

BUDAYA CEMERLANG HARUS DIBINA BERSAMA

Puan-puan dan tuan-tuan,

6. Tahun lalu saya tekankan nilai **3I — Integriti, Ikhlas dan Islah**. Nilai ini kekal sebagai asas. Tapi tahun ini, kita mahu lebih. Kita mahu bawa **budaya kerja berprestasi tinggi** ke seluruh kementerian dan agensi.

7. Empat prinsip penting yang harus jadi pegangan kita bersama:

- **Kepimpinan dan Tadbir Urus** – kepimpinan bukan sekadar jawatan, tapi tentang tanggungjawab.
- **Prestasi dan Pembangunan Bakat** – kita semua ada ruang untuk terus belajar dan berkembang.
- **Teknologi dan Pendigitalan** – supaya perkhidmatan kita lebih cekap dan mesra rakyat.
- **Kesejahteraan dan Penglibatan Warga** – kerana pasukan yang saling menyokong akan hasilkan kerja yang berkualiti.

8. Kita kini memainkan peranan penting dalam menjayakan **Agenda Reformasi Perkhidmatan Awam (ARPA)**. Ini bukan sahaja tentang sistem, tetapi **tentang nilai dan cara kerja kita yang membawa perubahan.**

9. Saya percaya kita mampu hayati nilai **H.E.M.A.T. — Hijrah Tatakelola, Empati Rakyat, Minda Pekin, Apresiasi Inovasi dan Tadbir Urus Telus** — dalam setiap tindakan kita. Kadangkala tindakan sekecil menjawab panggilan dengan sopan pun memberi kesan besar kepada imej kementerian kita.

PENUTUP

10. Hari ini, anda telah diiktiraf sebagai antara yang terbaik di kementerian ini. Teruslah jadi pembawa semangat yang positif — tunjukkan kepada warga lain bahawa kecemerlangan itu boleh dicapai oleh sesiapa sahaja, asalkan kita jujur, tekun dan bersedia untuk terus belajar.

11. Kepada semua penerima APC — saya doakan anda terus cemerlang, terus menyumbang dan terus menyemarakkan semangat perkhidmatan yang ikhlas untuk negara. **Jangan pernah lupa — anda bukan hanya membina kerjaya, anda sedang membina harapan rakyat.**

Dengan lafaz **Bismillahirrahmanirrahim**, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang KPWKM Tahun 2024.**

Sekian, Wabillahi taufiq walhidayah

Wassalamualaikum warahmatullahi Wabarakatuh.

YB DATO' SRI HAJAH NANCY BINTI SHUKRI

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat

17 Jun 2025